

Naib Canselor UMS baru mahu tekankan keharmonian

UM 20.06.2012 26

KOTA KINABALU 19 Jun - Naib Canselor baru Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd. Haron Abdullah berazam meletakkan universiti berkenaan sebagai antara universiti terbaik di negara ini.

Beliau yang sebelum ini merupakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS berkata, bagi mencapai hasrat itu tumpuan akan diberikan terhadap usaha mengekalkan keharmonian antara warga universiti.

"Saya hendak menekankan bahawa keharmonian di dalam kampus amat penting dan kalau ada perselisihan faham dan perang dingin saya mahu ia diharmonikan.

"Saya tidak penting, Haron tidak penting tetapi tanggungjawab mengekalkan harmoni itu penting, ke-

rana apabila tiba masanya, saya akan pergi," katanya pada majlis penyerahan tugas Naib Canselor UMS di bilik mesyuarat eksekutif Pusat Pentadbiran Canselori UMS, di sini semalam.

Pada majlis itu Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon yang menyandang jawatan itu sejak 2008 menyerahkannya kepada Mohd. Harun.

Jelas Mohd. Harun, tanggungjawab yang akan dipikulnya dalam membawa kecemerlangan UMS amat berat sekali dan beliau berharap semua warga UMS akan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya.

"Jadi kalau ada apa sahaja cadangan atau perkara yang tidak puas hati, maklumkan segera kepada saya," katanya.



MOHD. Haron Abdullah (kanan) menerima watikah penyerahan tugas daripada Kamaruzaman Ampon (kiri) di bilik mesyuarat eksekutif Pusat Pentadbiran Canselori UMS, Kota Kinabalu, kelmarin.